

NUZUL QURAN : PENGUKUH JATI DIRI & MARUAH UMMAH

Oleh : Jabatan Mufti Negeri Perak

Menanggapi peristiwa agung Nuzul Quran, menjadi suatu kewajaran bagi kita memperbaharui tekad untuk mengukuhkan keazaman bagi meluruskan semula keperibadian diri Muslim dengan kembali menjadikan al-Quran sebagai sumber panduan hidup yang unggul, bukan sekadar lantunan di bibir tetapi pedoman dalam seluruh tindakan.

Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk, rahmat dan cahaya bagi seluruh manusia, membezakan antara yang hak dan batil serta menjadi asas ketinggian akhlak dan pembinaan tamadun umat. Peristiwa Nuzul Quran pada yang diraikan pada 17 Ramadan membuka lembaran baharu sejarah manusia, apabila kegelapan jahiliah digantikan dengan cahaya wahyu yang memurnikan aqidah, membersihkan jiwa daripada syirik dan memandu manusia menuju reda Allah. Justeru, meraikan Nuzul Quran bukan sekadar mengingati tarikh turunnya wahyu, tetapi menilai sejauh mana interaksi dengan al-Quran benar-benar hidup dan berfungsi dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara, malah dalam sesebuah pembinaan tamadun bangsa.

Hari ini, cabaran yang kita hadapi bukan disebabkan kekurangan mushaf, tetapi kelompongan ruh al-Quran dalam diri dan tindakan. Ramai yang mampu membaca dengan lancar, namun masih longgar dalam amanah, lemah dalam sifat malu, kasar dalam tutur kata dan mudah terjebak dengan dosa dan maksiat; semua ini menunjukkan jurang yang ketara antara bacaan dan penghayatan. Al-Quran sepatutnya menjadi "**dustur agung**" yang menghidupkan sensitiviti kita terhadap neraca keadilan dan kezaliman, sehingga setiap keputusan dan tindakan sama ada di rumah, di tempat kerja mahupun dalam urusan negara sentiasa dinilai di atas neraca wahyu, bukan pengaruh hawa nafsu atau tekanan manusia.

Firman Allah di dalam surah Taha ayat 124:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى

"Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Bersempena Nuzul Quran pada tahun ini, marilah kita menegaskan tiga tujahan utama untuk mengukuhkan keperibadian dan maruah ummah :

Pertama, Pengukuhan dengan al-Quran melalui tilawah yang konsisten, tadabbur yang teratur dan usaha mengamalkan ayat-ayat yang dipelajari, kerana penghayatan al-Quran terbukti membentuk sahsiah yang seimbang dari sudut rohani, intelek dan sosial;

Kedua, menjadikan al-Quran sebagai dasar dan rujukan utama dalam membuat keputusan – daripada isu peribadi seperti rumah tangga dan muamalah, sehinggalah kepada dasar organisasi dan pentadbiran agar tidak timbul pertelingkahan yang berpunca daripada pengabaian terhadap panduan dan keagungan wahyu.

Ketiga, membina budaya masyarakat yang menghormati syariat dan syiar Islam termasuk daripada kelompok non muslim. Bersatu dalam menolak sebarang tindakan tidak bertamadun, serta bangkit mempertahankan maruah umat dengan hikmah, kasih sayang dan tegas sebagaimana diajar oleh al-Quran. Antara isu yang terkait mutakhir ini ialah isu tidak menghormati sensitiviti umat Islam seperti memijak al-Quran oleh individu tidak bertanggungjawab.

Jabatan Mufti Negeri Perak bersama mendokong pihak ulil amri dan pemerintah dalam menangani kes yang berkait dengan kepekaan terhadap umat islam. Tindakan tegas amat perlu dikenakan bagi tujuan pengiktibaran dan langkah penegahan agar tidak membarah. Tindakan biadap ini juga secara tidak langsung mengingatkan bahawa kegagalan diri muslim “memeluk” al-quran agar ianya larut dalam diri menyebabkan ianya di”injak” oleh orang lain disebabkan kecuaiannya sendiri.

Bersama dekati, santuni dan hayati al-Quran agar diri Muslim lebih bermaruah.

Tarikh : 2 Mac 2026

No Siri : 3/2026